

# Mesin menoreh getah automatik jimat tenaga

HARGA Getah Standard Malaysia (SMR20) di pasaran antarabangsa melonjak kepada RM9.68 sekilogram bulan lalu iaitu paras tertinggi sejak 2013, sekali gus menyaksikan peningkatan pendapatan pengusaha komoditi itu.

Sesuai dengan situasi itu, sekumpulan pelajar Universiti Kuala Lumpur (UniKL) Malaysia Spanish Institute, kampus Kulim, Kedah mencipta Mesin Menoreh Getah Automatik (MeMGA).

Pelajar Jurusan Kejuruteraan itu terdiri daripada Muhamad Termizi Muhamad, 25, Rahmatullah Suleiman, 25, Ahmad Salihin Baseri, 25, Atiqurahman Amran, 23, dan diselia pensyarah, Mohd. Riduan Ibrahim.

Mohd. Riduan berkata, MeMGA merupakan alat memotong kulit getah berkonsepkan putaran mata pisau seperti berus gigi bermotor yang mampu menoreh getah dengan lebih cepat tanpa menyebabkan kecacatan pada batang pokok getah.

"Ilham ciptaan ini berkonsepkan berus gigi automatik yang hanya menggosok bukannya memotong. Mesin ini dapat menghasilkan longkang yang baik

berbanding pisau sedia ada dan susu getah tidak akan terkeluar daripada longkang tersebut.

"Ia berupaya menoreh pada kedalaman hanya 0.5 milimeter (mm) berbanding torehan biasa 2.0mm, sekali gus mengurangkan luka batang pokok getah dan memanjangkan jangka hayat serta produktiviti.

"Pengeluaran susu getah sama banyak dengan kaedah manual, namun ia lebih menjimatkan masa dan tenaga penoreh," katanya dalam satu kenyataan kepada *Kosmo!* baru-baru ini.

Tambahnya, menggunakan kuasa bateri yang boleh dicas semula, ia berupaya menoreh sebanyak 220 pokok getah pada satu masa dengan bateri boleh bertahan sehingga dua jam.

Mohd. Riduan berkata, inovasi itu sedia dikomersialkan dengan anggaran harga jualan antara RM300 hingga RM400 seunit.

"Begitupun, kami masih meneruskan penyelidikan untuk menepati kehendak pengguna terutamanya bagi menjadikan ia bersaiz kompak dan lebih ringan," ujarnya.

## INOVASI



PUTARAN mata pisau berkonsep seperti berus gigi elektrik digunakan untuk memelihara kulit pokok getah.



PENYELIDIK yang terdiri daripada pelajar dan pensyarah UniKL, cawangan Kulim bergambar kenangan selepas dinobatkan sebagai juara pertandingan MyInovasi 2016 di Putrajaya baru-baru ini.